

06 MAR 2002

Abdullah-Lokap

ABDULLAH MARAH DENGAN KEJADIAN TAHANAN LARI DARI LOKAP

PUTRAJAYA, 6 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau berasa amat malu dan marah apabila mendapat berita di Brisbane, Australia tentang kejadian dua tahanan yang melarikan diri dari lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di Shah Alam, Isnin lepas.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, beliau telah memanggil Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Jamil Johari untuk mendapatkan penjelasan tentang apa yang berlaku dalam kejadian itu.

"Saya telah menyatakan kepada beliau (Jamil) bahawa perkara ini tidak sepatutnya berlaku dan jangan lagi berlaku di masa hadapan...dan beliau telah menyatakan segala tindakan, usaha akan dibuat supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani Surat Akujanji Anggota-anggota Pentadbiran termasuk menteri dan timbalan menteri di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Timbalan Perdana Menteri pada masa itu berada di Australia untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Abdullah berkata sebagai usaha menangani kejadian itu, kerajaan bercadang mendirikan lokap-lokap yang lebih kukuh di setiap daerah.

"Cadangannya ialah supaya di tiap-tiap daerah itu sekurang-kurangnya ada dua lokap yang agak besar, yang kemas, kuat, yang tak boleh dipecah dan dilengkapi alat-alat pemantauan dan sebagainya.

"Dan ini mestilah dibina dengan segera kerana keperluannya pada masa ini adalah mustahak," katanya.

Dalam kejadian di Shah Alam itu, dua lelaki yang ditahan berhubung siasatan kes rompakan bas Airport Coach ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 22 Feb lepas, bolos melalui lubang pendawaian elektrik dan hawa dingin.

Kira-kira 500 anggota polis dilaporkan sedang menjalankan operasi besar-besaran bagi memburu dua tahanan itu.

Berikutan kejadian itu, empat anggota polis iaitu seorang berpangkat lans koperal dan tiga konstabel digantung tugas serta-merta untuk membantu siasatan.

Abdullah berkata beliau telah melaporkan kepada Jemaah Menteri yang bermesyuarat hari ini mengenai langkah yang diambil Polis Diraja Malaysia untuk memastikan kejadian seumpama itu tidak berulang selain tindakan yang diambil terhadap anggota polis terbabit.

Menurutnya, antara sebab peristiwa itu berlaku ialah kecuaiannya di pihak anggota polis berkenaan selain lokap yang digunakan itu tidak begitu kukuh.

Katanya, antara aspek yang akan dilihat dalam siasatan ialah bagaimana kedua-dua tahanan itu boleh memanjat siling lokap dan merangkak sebelum memboloskan diri tanpa didengari oleh sesiapa.

"Siasatan yang rapi dan intensif sedang dibuat untuk mengetahui kalau-kalau ada sebab-sebab lain mengapa kecuaiannya boleh berlaku," katanya.

Abdullah berkata pusat-pusat tahanan untuk penagih dadah juga perlu diperkukuhkan.

Katanya, negara mempunyai terlalu banyak penagih dadah dan pusat-pusat seumpama itu telah menjadi begitu sesak.

"Kita mahu penagih dadah yang tegar dipindahkan segera ke kawasan baru dekat penjara di mana kawasan itu telah digazetkan untuk menjadi tempat

menahan penagih tegar," katanya.

Kes tahanan bolos di Shah Alam itu ialah kejadian kedua bulan ini selepas 11 tahanan melarikan diri dari lokap Balai Polis Kota Tinggi, Johor Sabtu lepas.

Tujuh daripada mereka telah ditahan semula dan polis masih menjejaki empat yang lain.

-- BERNAMA

MAM AHH MOZ